

BAB EMPAT

PEMBINAAN KATA MENERUSI PROSES IBDA:L

4.0 Pengenalan

Ibda:l ialah membuang sesuatu huruf dan menggantikan huruf lain ditempatnya. Konsepnya sama seperti i'la:l tetapi ianya hanya melibatkan huruf 'illat. Manakala ibda:l sasarannya ialah huruf 'illat dan huruf ṣaḥi:h, iaitu menggantikan huruf ṣaḥi:h di tempat huruf 'illat atau menggantikan huruf ṣaḥi:h di tempat huruf ṣaḥi:h yang lain.

Pembahagian dan penerangan mengenai proses serta contoh-contoh ibda:l adalah seperti berikut:

4.1 Ibda:l wa:w dan ya:' kepada ta:'¹

Proses yang berlaku ialah penggantian huruf wa:w dan ya:' kepada ta:' iaitu melibatkan penggantian huruf 'illat (wa:w dan ya:') dengan huruf ṣaḥi:h (ta:'). Terdapat dua syarat bagi penggantian huruf ini iaitu:

- i. Wa:w dan ya:' mestilah 'ayn kata kerja mengikut pola (افتعل) atau salah satu daripada derivasinya seperti kata kerja kala kini, kata kerja perintah dan kata nama pelaku.

¹Abd al-'Ali:m Ibra:hi:m, *Op.cit*, hh. 92-93, 'Abduh al-Ra:jihyy, *Op.cit*, h. 177, Abu: al-Baqa:' 'Abdullah Ibn al-Ḥusayn al-'Akbariyy, *Op.cit*, hh. 334-340, Raḍiyy al-Di:n Muḥammad ibn al-Ḥasan, *Op.cit*, h. 3/219.

ii. Wa:w dan ya:’ mestilah huruf asal. Contohnya (وَصَفَ / يَسَرَ)

Jadual berikut menjelaskan setiap penggantian yang berlaku dan sebab-sebabnya.

Jadual 4.1 : Proses ibda:l wa:w dan ya:’ kepada ta:’

Sebelum Ibda:l	Selepas Ibda:l	Ulasan
/ اوْتَصَالَ اَيْتَسَارَ	/ اْتَصَالَ اْتَسَارَ	<p>Jika wa:w dan ya:’ terletak pada fa:’ pola (افتعل) ditukarkan kedua-dua huruf tadi dengan ta:’. Antara sebabnya ialah sukar bagi kita menyebut huruf li:n¹ yang mati bersama ta:’ di mana huruf-huruf ini berhampiran makhraj iaitu rongga mulut (huruf li:n) dan hujung lidah dan pangkal gigi depan atas (ta:’), tetapi berlainan pada sifat kerana huruf li:n bersifat majhur, manakala ta:’ mahmus. Maka ditukarkan wa:w dan ya:’ kepada ta:’ (اْتَصَالَ/اَيْتَسَارَ) kemudian dimasukkan ta:’ yang pertama ke dalam ta:’ yang kedua dan akhirnya terbentuklah perkataan (اْتَصَالَ/اْتَسَارَ).</p>

¹ Huruf li:n ialah wa:w dan ya:’

4.2 Ibda:l ta:’ kepada ta:’¹

Berikut adalah perbahasan mengenai pertukaran ta:’ atas pola (افتعل) kepada ta:’ di mana fa:’ pola ini terdiri daripada huruf iṭba:q (ظ، ط، ض، ص).

Ia terbahagi kepada empat keadaan seperti berikut:

4.2.1 Fa:’ pola (افتعل) huruf ṣa:d (ص)

Contoh bagi penukaran ta:’ kepada ta:’ apabila fa:’ pola (افتعل) huruf ṣa:d (ص) seperti firman Allah S.W.T :

** Surah Ṭa:ha, ayat 132:*

وَأْمُرْ أَهْلَكَ بِالصَّلَاةِ وَاصْطَبِرْ عَلَيْهَا^ط

Maksudnya:

“Dan perintahkanlah keluargamu mengerjakan sembahyang, dan hendaklah engkau tekun bersabar menunaikannya”

Perkataan yang bergaris di atas telah mengalami proses ibda:l.

Keterangan mengenai proses yang berlaku seperti dalam jadual berikut:

¹ ‘Abd al-‘Ali:m Ibra:hi:m, *Op.cit*, h. 94, ‘Abduh al-Ra:jiḥiyy, *Op.cit*, h. 179, Abu: al-Baqa:’ ‘Abdullah Ibn al-Ḥusayn al- ‘Akbariyy, *Op.cit*, hh. 346-347, Raḍiyy al-Di:n Muḥammad Ibn al-Ḥasan, *Op.cit*, h. 3/226.

Jadual 4.2 : Proses ibda:l ta:’ kepada ta:’ bagi fa:’ pola (افتعل) huruf sha:d

(ص)

Sebelum Ibda:l	Selepas Ibda:l	Ulasan
اصْتَبِرَ	اصْطَبِرَ	<p>Ditukarkan ta:’ kepada huruf ta:’ kerana antara kedua huruf ini hampir sama pada makhraj dan berbeza pada sifat.</p> <p>Makhraj ta:’ dan ta:’ ialah antara hujung lidah dan pangkal gigi depan atas.</p> <p>Ta:’ bersifat mahmu:s dan menurun, manakala huruf sha:d bersifat majhu:r dan menaik.</p> <p>Oleh itu ditukarkan ta:’ kepada ta:’ kerana persamaan sifat ta:’ iaitu menaik dengan huruf sha:d sebelumnya.</p> <p>Tujuannya ialah untuk meringankan sebutan</p>

4.2.2 Fa:’ pola (افتعل) huruf da:d (ض)

Firman Allah S.W.T dalam surah al-Ma:’idaṭ merupakan contoh bagi penukaran ta:’ kepada ta:’ apabila fa:’ pola (افتعل) huruf da:d (ض).

* Surah al-Ma:’idaṭ, ayat 3:

فَمَنْ أَضْطُرُّ فِي مَخْصَةٍ غَيْرِ مُتَجَانِفٍ لِإِثْمِهِ فَإِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿٣﴾

Maksudnya:

“Tetapi barang siapa terpaksa kerana lapar bukan kerana ingin berbuat dosa, maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang”

Jadual 4.3 : Proses ibda:l ta:’ kepada ta:’ bagi fa:’ pola (افتعل) huruf da:d

(ض)

Sebelum Ibda:l	Selepas Ibda:l	Ulasan
اضْتَرَّ	اضْطَرَّ	<p>Ta:’ ditukarkan kepada huruf ta:’ kerana antara kedua huruf ini hampir sama pada makhraj dan berbeza pada sifat.</p> <p>Ta:’ dan ta:’ berkongsi makhraj iaitu antara hujung lidah dan pangkal gigi depan atas.</p> <p>Ta:’ bersifat mahmu:s dan menurun, manakala huruf da:d bersifat majhu:r dan menaik.</p> <p>Oleh itu ditukarkan ta:’ kepada ta:’ kerana persamaan sifat ta:’ dengan da:d iaitu menaik.</p> <p>Langkah tersebut sebagai meringankan sebutan.</p>

4.2.3 Fa:’ pola (افتعل) huruf ta:’ (ط)

Ditukarkan ta:’ kepada ta:’ apabila fa:’ pola (افتعل) huruf ta:’ (ط).

Contohnya dalam firman Allah S.W.T :

* Surah al-Qaṣaṣ, ayat 38:

فَأَجْعَلْ لِّي صَرْحًا لَّعَلِّي أَطَّلِعُ إِلَىٰ إِلَهِ مُوسَىٰ

Maksudnya:

“Kemudian buatlah bangunan yang tinggi untukku agar aku dapat naik melihat Tuhannya Musa”

Jadual 4.4 : Proses ibda:l ta:’ kepada ta:’ bagi fa:’ pola (افتعل) huruf ta:’ (ط)

Sebelum Ibda:l	Selepas Ibda:l	Ulasan
أَطَّلِعُ	<p>أَطَّلِعُ</p> <p>↓</p> <p>أَطَّلِعُ</p>	<p>Ditukarkan ta:’ kepada huruf ta:’ kerana antara kedua huruf ini hampir sama pada makhraj dan berbeza pada sifat.</p> <p>Makhraj ta:’ dan ta:’ ialah antara hujung lidah dan pangkal gigi depan atas.</p> <p>Ta:’ bersifat mahmu:s dan menurun, manakala huruf ta:’ bersifat majhu:r dan menaik.</p>

Sebelum Ibda:l	Selepas Ibda:l	Ulasan
		<p>Oleh itu ditukarkan ta:’ kepada ṭa:’ (أَطَّلِعُ) dan menyerapkan ṭa:’ yang pertama kepada ṭa:’ yang kedua, lalu terbentuklah perkataan (أَطَّلِعُ).</p> <p>Tujuannya ialah untuk mengekalkan dua huruf pada sesuatu perkataan dari sudut sebutan dan meringankannya.</p>

4.2.4 Fa:’ pola (افتعل) huruf za:’ (ظ)

Tetapi sekiranya fa: pola (افتعل) ialah huruf za:’, maka ta:’ diharuskan mengalami salah satu daripada tiga keadaan iaitu:

- i. Ditukarkan ta:’ kepada ṭa:’, contohnya اظَّظَلَمَ asalnya اظَّنَلَمَ
- ii. Ditukarkan ta:’ kepada ṭa:’ kemudian digantikan dengan za:’ dan dimasukkan za:’ ke dalam za:’ yang merupakan fa:’ kata kerja, contohnya اظَّلَمَ. Prosesnya seperti berikut:

اظَّنَلَمَ → اظَّظَلَمَ → اظْظَلَمَ → اظَّلَمَ

- iii. Ditukarkan ta:’ kepada ṭa:’ kemudian za:’ yang merupakan fa:’ pola (افتعل) digantikan dengan ṭa:’ dan dimasukkan ṭa:’ ke dalam ṭa:’, contohnya اَطَّلَمَ. Prosesnya seperti berikut :

اَطَّلَمَ → اظَّطَلَمَ → اظَّطَلَمَ → اَطَّلَمَ

4.3 Ibda:l ta:’ kepada da:l¹

Kesukaran menyebut akan timbul apabila fa:’ kata kerja adalah da:l, dhal atau za:y yang terletak selepas ta:’ pola (افتعل). Ini kerana ta:’ bersifat mahmu:s, manakala ketiga-tiga huruf yang disebutkan tadi bersifat majhu:r. Oleh itu, ditukarkan ta:’ kepada da:l kerana kedua-dua huruf ini sama pada makhraj iaitu hujung lidah dan pangkal gigi depan atas.² Terdapat tiga keadaan penggantian seperti ini iaitu:

4.3.1 Fa:’ pola (افتعل) huruf da:l (د)

Penjelasan mengenai proses ini terdapat di dalam jadual berikut:

¹ ‘Abd al-‘Ali:m Ibra:hi:m, *Op.cit*, h. 95, ‘Abduh al-Ra:jihiyy, *Op.cit*, h. 180, Abu: al-Baqa:’ ‘Abdullah Ibn al-Ḥusayn al- ‘Akbariyy, *Op.cit*, hh. 348-349, Radiyy al-Di:n Muḥammad Ibn al-Ḥasan, *Op.cit*, h. 3/227.

² Yu:suf al-Jurshat&Ibra:hi:m Ḥasan Ibra:hi:m, *op.cit*, h. 146

Jadual 4.5 : Proses ibda:l ta:' kepada da:l bagi fa:' pola (افتعل) huruf da:l (د)

Sebelum Ibda:l	Selepas Ibda:l	Keterangan
<p>اَدْتَعَمَ</p>	<p>اَدَدَعَمَ</p> <p>↓</p> <p>اَدَّعَمَ</p>	<p>Ditukarkan ta:' kepada da:l (اَدْتَعَمَ → اَدَدَعَمَ) kerana persamaan makhraj ta:' dengan da:l iaitu hujung lidah dan pangkal gigi depan atas tetapi berbeza pada sifat kerana da:l bersifat majhu:r. Manakala ta:' pula bersifat mahmu:s.</p> <p>Terdapat dua huruf yang sama, lalu huruf yang pertama dimasukkan ke dalam huruf yang kedua yang menghasilkan perkataan (اَدَّعَمَ) .</p> <p>Hasil daripada perubahan ibda:l ini dapat meringankan sebutan bagi perkataan (اَدَّعَمَ) .</p>

4.3.2 Fa:' pola (افتعل) huruf dha:l (ذ)

Contohnya dalam firman Allah S.W.T :

* Surah Yu:suf, ayat 45:

وَقَالَ الَّذِي نَجَا مِنْهُمَا وَادَّكَرَ بَعْدَ أُمَّةٍ أَنَا أُنْتَبِئُكُمْ بِتَأْوِيلِهِ فَأَرْسِلُونِ ﴿٤٥﴾

Maksudnya:

“Dan (pada saat itu) berkatalah orang yang terselamat di antara mereka yang berdua itu, dan yang baharu mengingati (akan pesanan Yusuf) sesudah berlalu suatu masa yang lanjut: "Aku akan memberi tahu kepada kamu tafsirannya. oleh itu hantarkanlah daku pergi (kepada orang yang mengetahui tafsirannya)”

Penerangannya seperti berikut :

Jadual 4.6 : Proses ibda:l ta:’ kepada da:l bagi Fa:’ pola (افعل) huruf dha:l (ذ)

Sebelum Ibda:l	Selepas Ibda:l	Ulasan
<p style="text-align: center;">اَذْتَكَّرَ</p>	<p style="text-align: center;">اَذْذَكَّرَ ↓ اَذَّكَرَ ↓ اَذَّكَرَ</p>	<p>Ditukarkan ta:’ kepada da:l (اَذْتَكَّرَ → اَذْذَكَّرَ) kerana persamaan makhraj da:l dengan dha:l iaitu hujung lidah dan pangkal gigi depan atas dan keduanya bersifat majhu:r. Manakala ta:’ pula bersifat mahmu:s.</p> <p>Selain daripada itu, terdapat dua lagi bentuk yang boleh dihasilkan iaitu menukarkan dha:l kepada da:l (اَذْذَكَّرَ → اَذَّكَرَ) atau da:l ditukarkan kepada dha:l (اَذَّكَرَ → اَذْذَكَّرَ).</p> <p>Terdapat dua huruf yang sama, lalu huruf yang pertama dimasukkan ke dalam huruf yang kedua (اَذَّكَرَ) dan (اَذْذَكَّرَ). Perkataan (اَذْذَكَّرَ) sering</p>

Sebelum Ibda:l	Selepas Ibda:l	Ulasan
		<p>digunakan berdasarkan firman Allah di atas.</p> <p>Ahli morfologi menganggap perkataan yang terbentuk ini mudah disebut.</p>

4.3.3 Fa:' pola (افعل) huruf za:y (ز)

Contoh dalam jadual berikut menjelaskan kepada kita bagaimana proses ini berlaku:

Jadual 4.7: Proses ibda:l ta:' kepada da:l bagi fa:' pola (افعل) huruf za:y (ز)

Sebelum Ibda:l	Selepas Ibda:l	Ulasan
ازْتَيْنَ	اَزْدَانْ ↓ اَزَّانْ	<p>Ditukarkan ta:' kepada da:l (اَزْتَيْنَ → اَزْدَانْ) kerana persamaan makhraj da:l dengan za:y iaitu hujung lidah dan pangkal gigi depan atas dan keduanya bersifat majhu:r. Manakala ta:' pula bersifat mahmu:s.</p> <p>Selain daripada itu, boleh juga ditukarkan da:l kepada za:y (اَزْدَانْ → اَزَّانْ)</p> <p>Terdapat dua huruf yang sama, lalu huruf yang pertama dimasukkan ke dalam huruf yang kedua (اَزَّانْ).</p> <p>Ahli morfologi menganggap perkataan yang terbentuk ini mudah disebut.</p>

4.4 Kesimpulan

Kesimpulannya bab ini menjelaskan kepada kita bagaimana proses ibda:l berlaku iaitu yang melibatkan penggantian huruf ‘illat dengan huruf ṣaḥi:h dan huruf ṣaḥi:h dengan huruf ṣaḥi:h. Manakala penggantian yang melibatkan huruf ‘illat dengan huruf ‘illat telah dijelaskan semasa membincangkan bab i‘la:l.

Perbincangan ibda:l ini lebih tertumpu kepada pola (افتعل) sepertimana yang diterangkan sebelum ini. Setiap penggantian huruf yang berlaku berkait rapat dengan sifat dan makhraj yang sesuai. Tanpa keserasian huruf sesuatu perkataan itu sukar disebut.